



31 Oktober 2022
31 October 2022
P.U. (A) 352

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2020 (PINDAAN) 2022

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) 2020 (AMENDMENT) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2020 (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 (Pindaan) 2022**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 kecuali perenggan 4 yang berhubungan dengan subsubperenggan 5A(1)(f) dan (g) yang baharu Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 [*P.U. (A) 373/2020*] yang disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2020 yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. Perintah ini hendaklah terpakai bagi suatu projek baharu pengeluaran bahan makanan atau projek pembesaran—

(a) yang suatu permohonan baginya diterima oleh Menteri melalui Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi projek itu, pada atau selepas 1 Januari 2016 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022;

(b) yang belum bermula pada tarikh permohonan itu diterima oleh Menteri; dan

(c) yang bermula dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan diberikan oleh Menteri.”.

Pindaan perenggan 4

3. Subsubperenggan 4(1)(b) Perintah ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “pendapatan berkanun daripada” perkataan “projek yang sedia ada dan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “berhubung dengan” perkataan “projek yang sedia ada dan”.

Perenggan baharu 5A

4. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 5 perenggan yang berikut:

“Projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan

5A. (1) Projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu projek yang berhubungan dengan—

- (a) penanaman tanaman industri, sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah atau tanaman kontan;
- (b) akuakultur;
- (c) penternakan lebah madu atau kelulut;
- (d) penternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri atau rusa;
- (e) perikanan laut dalam;
- (f) perikanan laut lepas;
- (g) penanaman biji benih untuk agro makanan; atau

(h) penanaman makanan ternakan, tertakluk kepada subperenggan (2).

(2) Penanaman makanan ternakan yang disebut dalam subsubperenggan (1)(h) hendaklah diusahakan dalam suatu projek yang dikenal pasti oleh Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi projek itu dan diluluskan oleh Menteri.

(3) Suatu projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dalam perenggan ini hendaklah dikira sebagai suatu perniagaan berasingan dan tersendiri dalam menentukan pendapatan berkanun orang yang layak bagi maksud pengecualian di bawah Perintah ini.”.

Pindaan perenggan 6

5. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 6 dengan perenggan yang berikut:

“6. Projek baharu pengeluaran bahan makanan yang disebut dalam Perintah ini ialah projek pertama yang dijalankan oleh orang yang layak bagi maksud melaksanakan suatu projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dan projek baharu itu diluluskan oleh Menteri.”.

Pindaan perenggan 7

6. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 7 dengan perenggan yang berikut:

“7. Suatu projek pembesaran yang dikecualikan di bawah subsubperenggan 4(1)(b) ialah suatu projek yang dijalankan oleh orang yang layak bagi maksud membesarkan projek pengeluaran bahan makanannya yang diluluskan yang sedia ada yang projek pembesaran itu—

(a) tidak pernah diberi suatu pengecualian di bawah Perintah ini;

(b) melibatkan suatu kawasan tanah baharu; dan

(c) diluluskan oleh Menteri.”.

Pindaan perenggan 12

7. Subperenggan 12(c) Perintah ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “123(3A)” dengan perkataan “127(3A)”.

Dibuat 21 Oktober 2022

[Perb. TAX.MOF(S)700-2/1/148; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-213; PN(PU2)80/JLD. 107]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) 2020 (AMENDMENT) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 6) 2020 (Amendment) Order 2022**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2016 except for paragraph 4 relating to the new subsubparagraphs 5A(1)(f) and (g) of the Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2020 [*P.U. (A) 373/2020*] which are deemed to have come into operation on 1 January 2021.

Amendment of paragraph 3

2. The Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2020 which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended by substituting for paragraph 3 the following paragraph:

“3. This Order shall apply to a new food production project or an expansion project—

(a) which an application is received by the Minister through the Minister charged with the responsibility for that project, on or after 1 January 2016 but not later than 31 December 2022;

(b) which has not commenced on the date the application is received by the Minister; and

(c) which commences within one year from the date of approval given by the Minister.”.

Amendment of paragraph 4

3. Subsubparagraph 4(1)(b) of the principal Order is amended—

- (a) by inserting after the words “the statutory income from” the words “the existing projects and”; and
- (b) by inserting after the words “in relation to the” the words “existing projects and”.

New paragraph 5A

4. The principal Order is amended by inserting after paragraph 5 the following paragraph:

“Approved food production project

5A. (1) An approved food production project referred to in this Order is a project in relation to—

- (a) planting of industrial crop, vegetables, fruits, herbs, spices or cash crop;
- (b) aquaculture;
- (c) rearing of honey or urena lobate bees;
- (d) rearing of cows, buffaloes, goats, sheep or deer;
- (e) deep sea fishing;
- (f) high seas fishing;
- (g) planting of seeds for agro food; or
- (h) planting of feed mill, subject to subparagraph (2).

(2) The planting of feed mill which is referred to in subsubparagraph (1)(h) shall be cultivated in a project which has been identified by the Minister charged with the responsibility of that project and approved by the Minister.

(3) An approved food production project in this paragraph shall be regarded as a separate and distinct business in determining the statutory income of qualified person for the purpose of exemption under this Order.”.

Amendment of paragraph 6

5. The principal Order is amended by substituting for paragraph 6 the following paragraph:

“6. A new food production project referred to in this Order is the first project carried out by a qualified person for the purpose of undertaking an approved food production project and the new project is approved by the Minister.”.

Amendment of paragraph 7

6. The principal Order is amended by substituting for paragraph 7 the following paragraph:

“7. An expansion project which is exempted under subsubparagraph 4(1)(b) is a project carried out by a qualified person for the purpose of expanding its existing approved food production project where the expansion project—

(a) has not been granted an exemption under this Order;

(b) involves a new area of land; and

(c) is approved by the Minister.”.

Amendment of paragraph 12

7. Subparagraph 12(c) of the principal Order is amended in the national language text by substituting for the words “123(3A)” the words “127(3A)”.

Made 21 October 2022

[Perb. TAX.MOF(S)700-2/1/148; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-213; PN(PU2)80/JLD. 107]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]